



08 AUG, 2026

umpuylahirkar jaguh serantau

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Bisnes

Sabtu,
8 Ogos 2026
bhbiz@bh.com.my

Untuk lebih berita di www.bharian.com.my

Tumpu lahirkan jaguh serantau

Agenda masuk fasa baharu, bangukan syarikat mampu cipta nilai jangka panjang

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias
bhbiz@nstp.com.my

Agenda pelaksanaan perniagaan Bumiputera memasuki fasa baharu apabila tujuannya beralih daripada menyediakan peluang perolehan kepada membina syarikat yang mampu berkembang, bersaing pada peringkat serantau dan disenaraikan di Bursa Malaysia.

Ini dilaksanakan menerusi Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) yang dilancarkan pada 2024, yang memberi tumpuan membangunkan syarikat Bumiputera yang mampu berkembang, bersaing dan mencipta nilai jangka panjang menerusi ekosistem pertumbuhan yang bersepadu.

Usaha membangunkan perniagaan Bumiputera itu mening-

katkan siling ekonomi, manakala menaik taraf keluarga Bumiputera mengukuhkan rantai ekonomi, yang kedua-duanya saling melengkapi.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata usaha pelaksanaan Bumiputera, yang membentuk 70.6 peratus daripada penduduk Malaysia, melangkaui syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan membabitkan keseluruhan ekosistem berkaitan kerajaan, termasuk PETRONAS dan pelbagai agensi kerajaan yang bersama-sama memacu pembangunan Bumiputera secara berterusan.

Beliau berkata, GLIC dan GLC menyediakan laluan khusus bagi mempercepat perkembangan perniagaan Bumiputera pada setiap peringkat pertumbuhan, dikenali sebagai agenda larian berganti Bumiputera.

Katanya, ia bermula dengan perolehan, yang mana GLC dan PETRONAS menyalurkan perbelanjaan RM49.0 bilion kepada perniagaan Bumiputera pada 2025, disokong Program Pembangunan Vendor yang membangunkan peluang dengan pembangunan keupayaan.

Menurutnya, ia disusuli rancangan membangunkan 10 syarikat Bumiputera berpotensi men-

capai nilai RM300 juta hingga RM500 juta setiap satu dan pada masa sama, sebanyak 10 penyenaraian syarikat Bumiputera didasarkan menjelang 2027.

Komitmen besar GLIC, GLC

Menurutnya, Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) memacu pertumbuhan menerusi modal pertumbuhan, manakala Program 10 Juara Bumiputera menyediakan sokongan penciptaan nilai dan pembinaan kapasiti yang terusun bagi membantu syarikat berpotensi tinggi mencapai ni-

lai penilaian RM300 juta hingga RM500 juta setiap satu.

“Komitmen GLIC dengan GLC amat besar sekali. Kalau dari segi perolehan dalam setahun lebih kurang RM49 bilion dibelanjakan untuk perolehan benda yang penting untuk negara, tetapi dibuat vendor Bumiputera.”

“Usaha larian berganti dilaksanakan GLIC juga menolok syarikat Bumiputera yang kemampuan, yang ada potensi untuk dikembangkan. Kita membantu melalui pelaburan menerusi Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas).

“Kita ambil contoh Orkim Bhd yang berjaya menjadi satu syarikat yang besar dan masih dipegang di bawah PNB,” katanya pada taklimat media dan pelancaran Laporan Tahunan GEAR-uP 2026, di Putrajaya, semalam.

Kejayanan tawaran awam permodalan (IPO) Orkim yang disokong Permodalan Nasional Bhd (PNB) pada 2025, menandakan pencapaian utama pertama bagi larian berganti Bumiputera, di samping empat penyenaraian akan datang dan sasaran sepuluh penyenaraian menjelang 2027.

Menaikkan lantai: Meningkatkan taraf hidup keluarga Bumiputera

Biasiswa	Kelangsungan hidup	Zakat dan Haji	Aspirasi masa hadapan
6,460 penerima biasiswa Bumiputera	Sehingga 216% peningkatan pendapatan	RM203 juta	25,000 warganegara Malaysia
Ditaja setiap tahun secara purata bagi tempoh 2020-2025	Hasil daripada program kelangsungan hidup setakat tahun 202	Zakat GLC telah disalurkan kepada komuniti asnaf pada tahun 2025	Akan dilatih di bawah program BAKAT MADANI
31,600		RM100 juta	
Jemaah haji telah menerima manfaat daripada perkhidmatan Tabung Haji sepanjang musim haji tahun 2025		Zakat Wakalah disalurkan oleh GLC disasarkan pada tahun 2026, meningkat daripada RM28 juta pada tahun 2025	

Infografik BH



08 AUG, 2026

umpuylahirkar jaguh serantau

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Agenda masuk fasa baharu, bangunkan syarikat mampu cipta nilai jangka panjang
bhbiz@nstp.com.my Agenda pemerkasaan perniagaan Bumiputera memasuki fasa baharu apabila tumpuannya beralih daripada menyediakan peluang perolehan kepada membina syarikat yang mampu berkembang, bersaing pada peringkat serantau dan disenaraikan di Bursa Malaysia.